

**MESYUARAT KETUA-KETUA  
UNIT KONTRAK & UKUR BAHAN  
JKR MALAYSIA BIL. 2/2016**

**PEMBENTANGAN PERKEMBANGAN SEMASA**

# **SURAT ARAHAN KPKR**

# **Surat Arahan KPKR Bil. 1/2016**

## **GARIS PANDUAN ANGGARAN PROJEK**



## Latar Belakang

- Anggaran projek disediakan dengan tujuan untuk mendapatkan jumlah peruntukan kewangan bagi pelaksanaan sesuatu projek Kerajaan. Anggaran projek adalah penting kerana ia menggambarkan perbelanjaan yang perlu dikeluarkan oleh pihak pelanggan untuk menyiapkan sesuatu projek. Jesteru itu, penyediaan anggaran projek yang berkualiti berupaya memberi keyakinan kepada pelanggan sebelum projek dilaksanakan.
- Dengan adanya garis panduan ini, anggaran projek akan dapat dilaksanakan dalam satu proses yang teratur dan efektif. Garis panduan ini juga akan menerangkan proses penyediaan anggaran projek dengan lebih lengkap dan komprehensif.

# **Surat Arahan KPKR Bil. 2/2016**

**PINDAAN KEPADA SURAT ARAHAN KPKR BIL. 8/2015  
ARAHAN PENGGUNAAN “STANDARD DRAWINGS  
FOR ROAD WORKS SECTION 6 – ROAD FURNITURE”**



## Tujuan

- Penambahbaikan kepada kaedah penyambungan guardrail menggunakan *spot weld* dengan membuat penambahan nota pada Standard Drawings guardrail iaitu “*bolt and nuts shall be spot welded*”. Kaedah ini diharap dapat mengurangkan masalah kecurian asset JKR yang berkenaan.

## Penambahbaikan

- a) Mengemas kini kategori dan jenis garisan jalan yang sedia ada dan yang baru.
- b) Menambah nota-nota penjelasan bagi lukisan-lukisan berkaitan *road line markings and road furniture*.
- c) Menambah jenis bonggol jalan dan menambah baik penjelasan bagi lukisan berkaitan bonggol jalan.
- d) Mereka bentuk semula *New Jersey Barrier* selaras dengan keperluan semasa dan teknologi terkini.
- e) Mengemas kini nota penjelasan bagi lukisan-lukisan berkaitan penghadang jalan.
- f) Mereka bentuk semula *road kerb* selaras dengan keperluan semasa dan teknologi terkini.

# **Surat Arahan KPKR Bil. 3/2016**

**PINDAAN KEPADA SURAT ARAHAN KPKR BIL. 5/2015  
-GARIS PANDUAN URUSAN MENGIKLAN TENDER**



## Latar Belakang

- Sejajar dengan kehendak Kerajaan untuk penyeragaman serta penjimatan kos pengiklanan bagi siaran iklan tender dan iklan pra-kelayakan projek-projek di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, pindaan telah dibuat ke atas ‘**Lampiran A**’ bagi format siaran iklan tender, tambahan ‘**Lampiran A1**’ bagi siaran iklan pra-kelayakan dan ‘**Lampiran A2**’ bagi siaran iklan tender dan iklan pra-kelayakan yang digabungkan.
- Penggabungan ini akan memudahkan untuk menyediakan iklan berdasarkan satu format yang seragam berbanding sebelum ini, di mana iklan pra-kelayakan selalunya disiarkan berasingan dengan format yang berbeza di surat khabar utama.
- Kos pengiklanan juga dapat dikawal sekaligus dapat mengamalkan perbelanjaan berhemah oleh Jabatan Kerajaan.

# **Surat Arahan KPKR Bil. 4/2016**

**PEMAKAIAN SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (SPB) DALAM  
SISTEM KERJA JKR MALAYSIA**

**SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK JKR MS ISO 9001:2008)  
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (SPAS JKR MS ISO  
14001:2004)**

**SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN  
PEKERJAAN (SPKKP JKR OHSAS 18001:2007)**

**SISTEM PENGURUSAN TENAGA (SPT JKR MS ISO 50001:2011)**



## Tujuan

- Penambahan satu lagi sistem dalam SPB sedia ada iaitu Sistem Pengurusan Tenaga.
- Perubahan kepada sasaran objektif kualiti sejajar dengan pekembangan semasa ke arah pembangunan lestari.
- Penambahan skop pematuhan SPT JKR MS ISO 50001 melibatkan bangunan-bangunan sedia ada terpilih yang dikawalselia JKR.
- Penambahan objektif SPT JKR MS ISO 50001 iaitu “meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga elektrik secara berterusan dalam reka bentuk, operasi dan penyenggaraan bagi bangunan yang dipilih”.
- Penambahbaikan, pindaan dan pengemaskinian kepada Dokumen SPB bagi meningkatkan lagi pencapaian Dasar dan Objektif SPB selaras dengan Seksyen 8.6.1 penambahbaikan berterusan.
- Penggunaan Dokumen SPB keluaran 03 bertarikh 15 Ogos 2014 hanya diguna pakai sehingga 31 Mac 2016.
- Penguatkuasaan pemakaian Dokumen SPB keluaran 04 bertarikh 1 Disember 2015 mulai 1 April 2016.

## **Surat Arahan KPKR Bil. 5/2016**

### **STRATEGI PELAKSANAAN KERJA PENYIASATAN TAPAK (SI) DAN UJIAN MAKMAL**



## Tujuan

- Memaklumkan kelulusan Kementerian Kewangan terhadap strategi pelaksanaan kerja **penyiasatan tapak (SI)** dan ujian makmal bagi projek JKR

## Latar Belakang

- Memperkemaskan kaedah tatacara perolehan kerja **SI, Kementerian Kewangan** mensyaratkan kelulusan prosedur baru dengan mewujudkan **Standard Operating Prosedure (SOP)** yang disediakan oleh **Cawangan Kejuruteraan Geoteknik (CKG)**. Dokumen ini akan memberi panduan terperinci bagi kegunaan **Jabatan Kerja Raya (JKR)** dalam mengurus perolehan dan pelantikan kontraktor kerja **SI** dengan lebih telus, adil dan teratur.

## **Surat Arahan KPKR Bil. 6/2016**

### **PINDAAN TATACARA KELULUSAN JAWATANKUASA KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA**



## Tujuan

- Memperkemaskan amalan semasa bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan projek selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan semua projek Kerajaan dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan demi memastikan perancangan system penyampaian negara tercapai.

## Tatacara Permohonan ke Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa (JKLM)

- Pihak yang menimbang dan meluluskan adalah Pegawai Yang Dinamakan di Lampiran Kepada Syarat-Syarat Kontrak
- JKLM di peringkat P.P. perlu ditubuhkan bagi menilai dan mempertimbangkan semua permohonan lanjutan masa daripada kontraktor.
- Bagi memelihara kepentingan Kerajaan, P.P. dan JKLM hendaklah memastikan pelanjutan masa yang dipertimbangkan dan diluluskan adalah sejajar dengan syarat-syarat kontrak. Dalam keadaan di mana pemberian lanjutan masa adalah tidak sejajar dengan syarat-syarat kontrak yang mengakibatkan pihak Kerajaan mengalami kerugian yang besar, maka tindakan *surcaj* boleh diambil terhadap pegawai-pegawai yang berkenaan.

**Jawatankuasa Kelulusan Lanjutan Masa (JKLM), Keanggotaannya dan  
Urus Setia Jawatankuasa**

| <b>BIL.</b> | <b>PEGAWAI<br/>PENGUASA/<br/>PENGARAH PROJEK</b> | <b>KEANGGOTAAN</b>   | <b>URUS SETIA</b>   |
|-------------|--|--|---|
| 1           | Ketua Pengarah Kerja Raya                        | 1. KPKR/TKPKR ( Pengerusi )<br>2. Pengarah Kanan Cawangan Kontrak & Ukur Bahan atau Wakilnya<br>3. Pengarah Kanan/ Pengarah Cawangan berkenaan                           | <u>Pembentang</u><br><br>Wakil P.P. Utama<br><br><u>Urus Setia</u><br>Pejabat Pasukan Projek (HOPT) berkenaan |
| 2           | Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya               | 1. KPKR/TKPKR ( Pengerusi )<br>2. Pengarah Kanan Cawangan Kontrak & Ukur Bahan atau Wakilnya<br>3. Pengarah Kanan/ Pengarah Cawangan berkenaan                           | <u>Pembentang</u><br><br>Wakil P.P. Utama<br><br><u>Urus Setia</u><br>Pejabat Pasukan Projek (HOPT) berkenaan |
| 3           | Pengarah Kanan/ Pengarah Cawangan                | 1. Pengarah Kanan/ Pengarah Cawangan (Pengerusi)<br>2. Juruukur Bahan Kanan (Gred J48 dan ke atas )<br>3. Ketua Pasukan Projek (HOPT) di pejabat berkenaan atau Wakilnya | <u>Pembentang</u><br><br>Wakil P.P. Utama<br><br><u>Urus Setia</u><br>Pejabat Pasukan Projek (HOPT) berkenaan |
| 4           | Pengarah Pembinaan                               | 1. Pengarah Pembinaan (Pengerusi)<br>2. Juruukur Bahan (Gred J44 dan ke atas )<br>3. Ketua Pasukan Projek (HOPT) di pejabat berkenaan atau Wakilnya                      | <u>Pembentang</u><br><br>Wakil P.P. Utama<br><br><u>Urus Setia</u><br>Pejabat Pasukan Projek berkenaan        |

**Jawatankuasa Kelulusan Lanjutan Masa (JKLM), Keanggotaannya dan  
Urus Setia Jawatankuasa**

| Bil. | PEGAWAI<br>PENGUSAHA/<br>PENGARAH PROJEK                | KEANGGOTAAN  | URUS SETIA  |
|------|---|--|---|
| 5    | Pengarah Negeri/<br>Pengarah JKR Wilayah<br>Persekutuan | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengarah Negeri/ Pengarah Wilayah<br/>Persekutuan Kuala Lumpur/ Pengarah<br/>Wilayah Persekutuan Putrajaya/<br/>Pengarah Persekutuan Labuan<br/><b>(Pengerusi)</b></li> <li>2. Ketua Bahagian Ukur Bahan di Pejabat<br/>Pengarah Negeri/ Wilayah atau<br/>Wakilnya</li> <li>3. KPPK/ KPP Bangunan/ Jalan/<br/>Mekanikal/ Elektrikal di Pejabat<br/>Pengarah Negeri/ Wilayah atau<br/>Wakilnya</li> </ol> | <u>Pembentang</u><br>Wakil P.P. Utama<br><u>Urus Setia</u><br>Bahagian Ukur Bahan di Pejabat<br>berkenaan |
| 6    | Pengurus Besar Kanan<br>Pembinaan/ KPPK/<br>KPP         | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurus Besar Kanan Pembinaan/<br/>KPPK/ KPP (<b>pengerusi</b>)</li> <li>2. Juruukur Bahan (Gred J44 dan ke atas )</li> <li>3. KPPK/ KPP Bangunan/ Jalan/<br/>Mekanikal/ Elektrik di Pejabat Pengarah<br/>Negeri berkenaan atau Wakilnya</li> </ol>   | <u>Pembentang</u><br>Wakil P.P. Utama<br><u>Urus Setia</u><br>Pejabat Pasukan Projek<br>berkenaan         |
| 7    | KPPK/ KPP/ PPK<br>(M&E) Negeri                          | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengarah Negeri (<b>Pengerusi</b>)</li> <li>2. Ketua Bahagian Ukur Bahan di Pejabat<br/>Pengarah Negeri atau wakilnya</li> <li>3. KPPK/ KPP Bangunan/ Jalan/<br/>Mekanikal/ Elektrikal di Pejabat<br/>Pengarah Negeri berkenaan atau<br/>wakilnya</li> </ol>   | <u>Pembentang</u><br>P.P.<br><u>Urus Setia</u><br>Bahagian Ukur Bahan di Pejabat<br>Negeri berkenaan      |

**Jawatankuasa Kelulusan Lanjutan Masa (JKLM), Keanggotaannya dan  
Urus Setia Jawatankuasa**

| Bil. | PEGAWAI<br>PENGUASA/<br>PENGARAH PROJEK         | KEANGGOTAAN  | URUS SETIA  |
|------|---|--|---|
| 8    | Jurutera Daerah/<br>Jajahan/ Wilayah            | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengarah Negeri (Pengerusi)</li> <li>2. Ketua Bahagian Ukur Bahan di Pejabat Pengarah Negeri atau Wakilnya</li> <li>3. KPPK/ KPP<br/>Bangunan/Jalan/Mekanikal/Elektrik di Pejabat Pengarah Negeri berkenaan atau Wakilnya</li> </ol>   | <u>Pembentang</u><br>P.P.<br><u>Urus Setia</u><br>Bahagian Ukur Bahan di Pejabat Negeri berkenaan |
| 9    | KPPK/ KPP/ PPK di Peringkat Wilayah Persekutuan | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengarah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Pengarah Wilayah Persekutuan Putrajaya/ Pengarah Persekutuan Labuan (Pengerusi)</li> <li>2. Ketua Bahagian Ukur Bahan di Pejabat berkenaan atau Wakilnya</li> <li>3. KPPK/ KPP Bangunan/ Jalan/ Mekanikal/ Elektrikal di Pejabat berkenaan atau Wakilnya</li> </ol> | <u>Pembentang</u><br>P.P.<br><u>Urus Setia</u><br>Bahagian Ukur Bahan di Pejabat berkenaan        |

## **Surat Arahan KPKR Bil. 7/2016**

- 1. PELANTIKAN PEGAWAI PENGUASA / PENGARAH PROJEK (P.P.) DAN WAKIL P.P.**
- 2. PEGAWAI YANG DIBERI KUASA UNTUK BERTINDAK BAGI PIHAK KERAJAAN**



## Tujuan

- Memaklumkan pindaan ke atas peraturan perlantikan Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek (P.P.) dan wakil P.P. serta kuasa untuk mengambil tindakan ke atas perkara-perkara tertentu bagi pihak Kerajaan. Pindaan ini dibuat lanjutan daripada penstrukturran semula Jabatan yang dilaksanakan dengan ketetapan bahawa Pengarah Kanan Cawangan/ Pengarah Cawangan sebagai Pengurus Program.

## Tugas Dan Tanggungjawab P.P.

1. Sebagai wakil Kerajaan untuk mengawas kerja dan memberi arahan berkaitan dengan kerja menurut peruntukan Kontrak.
2. Kuasa P.P untuk mengarah perubahan kerja adalah tertakluk kepada peruntukan **Arahan Perbendaharaan 202** yang berkehendakkan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak-pihak berkenaan menurut peruntukan.
3. Tanggungjawab P.P adalah:-
  - (a) memastikan kualiti bahan yang digunakan dan tahap mutu kerja adalah mematuhi Kontrak;
  - (b) memastikan peraturan-peraturan pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa lain yang mempengaruhi Kerja tersebut dipatuhi semasa pelaksanaan kerja;
  - (c) memastikan Kontraktor tidak mengabaikan hal kebijakan pekerjaanya, khususnya berkaitan dengan keselamatan dan perlindungan insurans, dan pekerja-pekerja menerima gaji yang kena dibayar kepada mereka;
  - (d) memastikan tempoh liputan insurans yang diperlukan di bawah peruntukan yang berkenaan dalam Kontrak tidak luput semasa kerja-kerja sedang berjalan, dan jika perlu mengambil tindakan melanjutkan tempohnya;

## Tugas Dan Tanggungjawab P.P.

- (e) memantau kemajuan Kerja Kontraktor dan jika perlu mengambil tindakan awal untuk memberi lanjutan masa atau mengenakan ganti rugi tertentu dan ditetapkan dan/atau mengesyorkan penamatkan pengambilan kerja Kontraktor kepada pegawai yang diberikuasa bagi mewakili Kerajaan mengikut peruntukan Kontrak.
- (f) melaksanakan tanggung jawabnya sebagai **P.P.** agar Kerajaan dapat melaksanakan tanggung jawab kontraknya –
  - (i) Kontraktor tidak dihalang atau disekat atau ditegah daripada menjalankan kerja-kerjanya sejajar dengan Kontrak;
  - (ii) kelulusan dan keputusan yang dipohon oleh Kontraktor diberi dengan segera dalam tempoh yang munasabah;
  - (iii) perakuan bayaran interim kepada Kontraktor disediakan dan dikeluarkan menurut peruntukkan kontrak; dan
  - (iv) Setiap bayaran kemajuan kepada kontraktor asing telah mengambil kira potongan cukai pegangan mengikut kadar yang berkuat kuasa.

# Tugas Dan Tanggungjawab Wakil P.P.

1. P.P. adalah bertanggungjawab bagi pengawasan kerja serta pentadbiran Kontrak bagi pihak Kerajaan dan boleh mewakilkan kuasanya untuk penyeliaan, pelaksanaan kerja dan tugas-tugas lain kepada wakil P.P. menurut peruntukan kontrak.
  
2. P.P. boleh mewakilkan kuasanya kepada lebih daripada seorang pegawai untuk melaksanakan tugas-tugas bagi pihaknya seperti berikut:-
  - (a) Wakil P.P. Utama - Pegawai yang diwakilkan kuasa untuk menyelia dan mengarah pelaksanaan Kerja secara keseluruhan.
  - (b) Wakil P.P. Pakar
    - (i) Jurutera Elektrik atau Mekanikal atau pakar-pakar lain yang diwakilkan kuasa untuk menyelia pelaksanaan kerja elektrik atau kerja mekanikal atau kerja pakar yang lain atau bekalan bahan- bahan atau barang-barang.
    - (ii) Jurukur Bahan yang diwakilkan kuasa bagi memberi perkhidmatan ukur bahan.
  
3. Apabila mewakilkan kuasa kepada wakilnya, P.P. hendaklah :-
  - (a) Memastikan pegawai tersebut ialah pegawai teknikal dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional .
  - (b) Berpuas hati bahawa pegawai berkenaan mempunyai kebolehan dan pengalaman yang perlu untuk memikul tanggungjawab yang diwakilkan kepadanya; dan
  - (c) Memberi perhatian bahawa hak untuk mengambil tindakan di bawah peruntukan kontrak.

## Tugas Dan Tanggungjawab Wakil P.P.

4. Kontraktor hendaklah dimaklumkan mengenai perlantikan Wakil P.P. dan kuasa yang diwakilkan kepadanya.
5. Dalam melaksanakan tugasnya dan menggunakan kuasa yang diwakilkan kepadanya, Wakil P.P. mesti mematuhi peraturan-peraturan seperti berikut:
  - (a) Beliau tidak dibenarkan mewakilkan selanjutnya kuasa-kuasa yang telah diwakilkan kepadanya.
  - (b) Beliau tidak boleh mengambil tindakan terhadap perkara-perkara yang mana kuasa baginya tidak diwakilkan.
  - (c) Walaupun beliau diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan perubahan kerja, beliau masih tertakluk kepada Arahan Perbendaharan 202 untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak-pihak berkenaan.
  - (d) Wakil P.P. Utama mesti mengesahkan tentang adanya peruntukan kewangan. Wakil P.P. Pakar mesti menyalurkan permohonan bagi perubahan kerja tambahan untuk kelulusan terlebih dahulu melalui Wakil P.P. Utama.

**PENENTUAN PEGAWAI PENGUASA / PENGARAH PROJEK**

| Bil. | Jawatan   | Nilai Kontrak  |  |
|------|---|--|--|
|      |   | Pegawai Penguasa<br>(Konvensional)   | Pengarah Projek<br>(Reka dan Bina)   |
| 1.   | KPKR  | Melebihi RM750 juta  | Melebihi RM750 juta  |
| 2.   | TKPKR   | Sehingga RM750 juta (melebihi RM750 juta atas budibicara KPKR)                 | Sehingga RM750 juta (melebihi RM750 juta atas budibicara KPKR)   |
| 3.   | Pengarah Pembinaan (JUSA)   | Sehingga RM500 juta  | Sehingga RM500 juta  |
| 4.   | Pengarah Negeri/ Wilayah/ Unit Khas (JUSA )                               | Sehingga RM500 juta  | Projek Sivil sehingga RM500 juta<br>Projek Bangunan sehingga RM100 juta  |
| 5.   | Pengurus Besar Kanan Pembinaan / KPPK/ KPP(J52, J54)                      | Sehingga RM250 juta  | Sehingga RM250 juta  |
| 6.   | Pengarah Negeri/ Wilayah/ Unit Khas (selain JUSA)                         | Sehingga RM250 juta  | Projek Sivil sehingga RM250 juta<br>Projek Bangunan sehingga RM100 juta  |
| 7.   | KPPK/KPP/PPK (M&E) Negeri   | Sehingga RM 20 juta bagi kontrak dimana KPPK/KPP/ PPK(M&E) Negeri menjadi P.P. | Sehingga RM 20 juta bagi:<br>(i) kontrak dimana KPPK/KPP/ PPK (M&E) Negeri menjadi P.P.; atau<br>(ii) kontrak penyenggaraan bagi kerja pakar dimana KPPK/KPP/PPK (M&E) menjadi P.P.(melebihi RM20 juta atas budibicara KPKR) |
| 8.   | Jurutera Daerah/ Jajahan/ Wilayah<br>(Dengan Persetujuan Pengarah Negeri) | Sehingga RM20 juta   | -  |
| 9.   | KPPK/KPP/PPK di peringkat Wilayah Persekutuan                             | Sehingga RM20 juta   | -  |

**Nota:**

Sebarang pengecualian dari jadual di atas, hendaklah mendapat kelulusan KPKR

**PEGAWAI YANG DIBERI KUASA UNTUK BERTINDAK BAGI PIHAK KERAJAAN**  
**[Syarat-syarat Kontrak PWD Form 203/203A (Rev. 2010) dan PWD Form DB (Rev. 2010)]**

| Bil. | Jawatan  | Nilai Kontrak   |
|------|--|---|
|      |  | *Klausa 51, 52 ,53 dan 66 (Konvensional)<br>*Klausa klausa 60, 61, 62, 67 dan 68 (Reka & Bina)<br>*** |
| 1.   | KPKR   | Tiada Had   |
| 2.   | TKPKR  | Sehingga RM250 juta   |
| 3.   | Pengarah/ Pengarah Kanan Cawangan<br>(Budibicara KPKR) | Sehingga RM100 juta   |
| 4.   | Pengarah Pembinaan/ (JUSA)                             | Sehingga RM50 juta  |
| 5.   | Pengarah Negeri/ Wilayah/ Unit Khas (JUSA)             | Sehingga RM50 Juta  |
| 6.   | Pengurus Besar Kanan Pembinaan/ KPPK/ KPP<br>(J5/ J54) | Sehingga RM20 juta  |
| 7.   | Pengarah Negeri/Wilayah/Unit Khas (selain<br>JUSA)     | Sehingga RM20 juta  |
| 8.   | KPPK/KPP/PPK (M&E) Negeri                              | -   |
| 9.   | Jurutera Daerah/ Jajahan/ Wilayah                      | -   |
| 10.  | KPPK/KPP/PPK di peringkat Wilayah<br>Persekutuan       | -   |

\*\*\* perlu disesuaikan dengan kontrak senggara

\* Catatan

Berdasarkan Syarat-syarat Kontrak PWD 203/203A  
(Rev. 1/ 2010)

- Klausa 51      *Events And Consequences Of default By the Contractor*
- Klausa 52      *Termination On National Interest*
- Klausa 53      *Termination On Corruption, Unlawful Or Illegal Activities*
- Klausa 66      *Arbitration*

Berdasarkan Syarat-syarat Kontak PWD DB (Rev. 1/2010)

- Klausa 60      *Events and Consequences Of default By the Contractor*
- Klausa 61      *Termination On Corruption, Unlawful Or Illegal Activities*
- Klausa 62      *Termination On National Interest*
- Klausa 67      *Force Majeure*
- Klausa 68      *Arbitration*

**PANDUAN WAKIL P.P. KERJA UTAMA DAN WAKIL P.P. KERJA PAKAR**

| Bil. | Pegawai Penguasa / Pengarah Projek (P.P.)                                | Wakil P.P. Utama  | Wakil P.P. Pakar  |   |
|------|--|---|---|---|
|      |  |   | Konvensional  | Reka & Bina   |
| 1.   | KPKR   | Pengarah Pembinaan  | *KPPK Pakar di Ibu Pejabat/ Pejabat Wakil P.P berkenaan / Pasukan Projek                      | *KPPK Pakar di Ibu Pejabat/ Pejabat Wakil P.P berkenaan / Pasukan Projek                      |
| 2.   | TKPKR  | Pengarah Pembinaan  | *KPPK Pakar di Ibu Pejabat/ Pejabat Wakil P.P berkenaan / Pasukan Projek                      | *KPPK Pakar di Ibu Pejabat/ Pejabat Wakil P.P berkenaan / Pasukan Projek                      |
| 3.   | Pengarah Pembinaan (JUSA)  | KPPK Yang Dilantik Oleh Pengarah Pembinaan                | KPPK/KPP Pakar Ibu Pejabat/ Pejabat Wakil P.P berkenaan Yang Dilantik Oleh Pengarah Pembinaan | KPPK/KPP Pakar Ibu Pejabat/ Pejabat Wakil P.P berkenaan Yang Dilantik Oleh Pengarah Pembinaan |
| 4.   | Pengarah Negeri/Wilayah/Unit Khas (JUSA)                                 | Jurutera Daerah (JD)/ KPPK/KPP/PPK Bangunan / Infra/      | KPPK/KPP Pakar Di Negeri  | KPPK/KPP Pakar Di Negeri  |
| 5.   | Pengurus Besar Kanan Pembinaan/KPPK/KPP(J5 2 ke J54)                     | KPP/PPK Yang Dilantik Oleh Pengurus Besar Kanan Pembinaan | KPP/PPK Pakar Yang Dilantik Oleh Pengurus Besar Kanan Pembinaan                               | KPP/PPK Pakar Yang Dilantik Oleh Pengurus Besar Kanan Pembinaan                               |
| 6.   | Pengarah Negeri / Wilayah/ Unit Khas (selain JUSA)                       | Jurutera Daerah (JD) / KPPK/KPP/PPK Negeri                | KPPK/KPP/PPK Pakar Di Negeri  | KPPK/KPP/PPK Pakar Di Negeri  |
| 7.   | KPPK/KPP (M&E) Negeri  | Jurutera M&E Yang Dilantik                                | Mengikut kesesuaian   | Mengikut kesesuaian   |
| 8.   | Jurutera Daerah / Jajahan / Wilayah (Dengan Persetujuan Pengarah Negeri) | PPK/PP Yang Dilantik                                      | KPPK/KPP/PPK Pakar Di Negeri  | KPPK/KPP/PPK Pakar Di Negeri  |
| 9.   | KPPK/KPP/PPK di peringkat Wilayah Persekutuan                            | Jurutera Yang Dilantik                                    | KPPK/KPP/PPK Pakar Di Wilayah berkenaan   | KPPK/KPP/PPK Pakar Di Wilayah berkenaan   |

\*KPPK Pakar dari Cawangan Pakar boleh dilantik di atas budi bicara KPKR.

**PEGAWAI YANG BERKUASA MENANDATANGANI PERAKUAN-PERAKUAN YANG  
DIKELUARKAN DI BAWAH KONTRAK BERDASARKAN SYARAT-SYARAT KONTRAK  
JKR 203/203A DAN REKA DAN BINA**

| Bil. | Perakuan  | Pegawai Yang Berkusa<br>Menandatangani |
|------|---|--|
| 1.   | Arahan Perubahan Kerja (APK)  | P.P.                                   |
| 2.   | Perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK)                                    | P.P.                                   |
| 3.   | Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa                                     | P.P.                                   |
| 4.   | Perakuan Siap Kerja   | P.P. atau Wakil P.P. Kerja Utama       |
| 5.   | Perakuan Pendudukan Separa  | P.P. atau Wakil P.P. Kerja Utama       |
| 6.   | Perakuan Kerja Tidak Siap   | P.P.                                   |
| 7.   | Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan                                       | P.P. atau Wakil P.P. Kerja Utama       |
| 8.   | Perakuan Bayaran Interim  | P.P. atau Wakil P.P. Kerja Utama       |
| 9.   | Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad                                       | P.P.                                   |
| 10.  | Perakuan Muktamad Kontrak Yang<br>Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor | P.P.                                   |

# **Surat Arahan KPKR Bil. 8/2016**

**ARAHAN PENGGUNAAN “NOTA TEKNIK (JALAN)  
30/2015 – DESIGN GUIDELINES ON SAFETY FACILITIES  
FOR SCHOOLS”**



## Tujuan

- Memberi panduan kepada keperluan asas dan kriteria reka bentuk bagi penyediaan kemudahan keselamatan di kawasan sekolah.

## Matlamat

- Menyediakan panduan bagi penyediaan tapak kawasan sekolah dan susunatur bersesuaian yang menerapkan ciri-ciri keselamatan jalan raya.
- Menyediakan panduan bagi implementasi kemudahan-kemudahan keselamatan di kawasan sekolah.
- Menerangkan ciri-ciri zon sekolah serta kemudahan-kemudahan keselamatan yang perlu disediakan.
- Menerangkan jenis-jenis *School Drop-Off and Pick-Up Area* yang boleh disediakan bagi melancarkan pergerakan lalu lintas disamping menyediakan suasana yang selamat di kawasan sekolah.

# **Surat Arahan KPKR Bil. 9/2016**

**ARAHAN PENGGUNAAN “NOTA TEKNIK (JALAN)  
31/2015 – DESIGN GUIDELINES FOR EMERGENCY  
ESCAPE RAMP”**



## Tujuan

- Memberi panduan kepada keperluan asas dan kriteria reka bentuk bagi implementasi *Emergency Escape Ramp*

## Matlamat

- Menerangkan jenis-jenis *Emergency Escape Ramp*.
- Menyediakan aliran proses analisis yang terlibat dalam menentukan keperluan penyediaan *Emergency Escape Ramp* atau sebaliknya.
- Menerangkan ciri-ciri reka bentuk yang perlu dipertimbangkan serta proses reka bentuk berkenaan.

# **Surat Arahan KPKR Bil. 10/2016**

**ARAHAN PENGGUNAAN “NOTA TEKNIK (JALAN)  
32/2015 – PERFORMANCE GUIDELINES FOR HYBRID  
GROUND ANCHOR”**



## Tujuan

- Memberi panduan kepada keperluan asas dan kriteria reka bentuk bagi pemasangan *Hybrid Ground Anchor*.

## Matlamat

- Menerangkan syarat-syarat penggunaan serta kriteria reka bentuk *Hybrid Ground Anchor*.
- Menerangkan keperluan dan ciri-ciri *Hybrid Ground Anchor* yang digunakan.
- Menerangkan kaedah-kaedah pemasangan *Hybrid Ground Anchor*
- Menerangkan kaedah-kaedah pengujian serta pengawasan dalam penggunaan *Hybrid Ground Anchor*

# **Surat Arahan KPKR Bil. 11/2016**

**ARAHAN PENGGUNAAN “NOTA TEKNIK (JALAN)  
33/2015 – GUIDELINES FOR MOTORCYCLE  
FACILITIES”**



## Tujuan

- Memberi panduan kepada pereka bentuk supaya lebih memahami keperluan keselamatan penunggang motosikal dan mengambil kira keperluan ini dalam kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggara jalan raya yang sedia ada serta di peringkat perancangan, reka bentuk dan pembinaan jalan-jalan baru.

## Matlamat

- Menerangkan isu-isu dan masalah penunggang motosikal.
- Menerangkan waran-waran yang berkaitan, di mana adanya keperluan untuk diwujudkan lorong motosikal.
- Menerangkan ciri-ciri rekabentuk untuk penyediaan kemudahan motosikal.

# **Surat Arahan KPKR Bil. 12/2016**

## **PINDAAN PERUNTUKAN HARGA INGINAN JABATAN BAGI TENDER TERBUKA DAN TENDER TERHAD**



## Tujuan

- Memaklumkan mengenai pindaan kepada peruntukan Harga Inginan Jabatan dalam Arahan Kepada Petender

## Latar Belakang

- SA KPKR Bil. 4/2013 memperuntukkan supaya Anggaran Jabatan terakhir dimasukkan di dalam Arahan Kepada Petender sebagai Harga Inginan Jabatan. Ia bertujuan memberi peluang yang saksama kepada semua pretender untuk mengemukakan harga yang berpatutan dan meningkatkan ketelusan. Bagaimanapun, peraturan ini dikecualikan bagi tender yang dipanggil secara Tender Terhad.

## Pindaan Peruntukan Harga Inginan Jabatan

- a) Peruntukan untuk **Harga Inginan Jabatan** bagi Tender Terbuka diberhentikan penggunaan dan hendaklah dibatalkan dalam Arahan Kepada Petender.
- b) Peruntukan **Harga Inginan Jabatan** hendaklah dimasukkan di dalam Arahan Kepada Petender bagi Tender Terhad. Dengan ini Anggaran Jabatan terakhir hendaklah dimasukkan sebagai **Harga Inginan Jabatan**.
- c) Amalan menyediakan Anggaran Jabatan sebelum tarikh tutup tender untuk dimasukkan ke dalam peti tender hendaklah diteruskan.

# **Surat Arahan KPKR Bil. 13/2016**

**ARAHAN PENGGUNAAN “ARAHAN TEKNIK (JALAN)  
16/03 – A GUIDE FOR ENVIRONMENTAL PROTECTION  
& ENHANCEMENT WORKS”**



## Tujuan

- Penyeragaman kerja-kerja perlindungan alam sekitar semasa pelaksanaan projek JKR.

## Matlamat

- Memastikan SPB JKR berkaitan dengan keperluan MS ISO 14001 dari segi langkah-langkah perlindungan alam sekitar dikenal pasti dan dimasukkan ke dalam penyediaan dokumen tender dan seterusnya dilaksanakan dalam peringkat perancangan, rekabentuk, perolehan dan pembinaan projek.
- Memberi panduan yang komprehensif dalam kerja-kerja perlindungan alam sekitar semasa pelaksanaan projek dengan mengambil kira keperluan teknikal semasa seperti dasar, undang-undang dan keperluan pelbagai agensi teknikal luaran lain merangkumi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

# **Surat Arahan KPKR Bil. 14/2016**

**ARAHAN PENGGUNAAN “ARAHAN TEKNIK (JALAN)  
2E/87 (PINDAAN 2015) – GUIDE SIGNS DESIGN AND  
APPLICATION”**



## Tujuan

- Menggantikan garis panduan lama Arahan Teknik Jalan 2E/87 (Pindaan 2011).

## Matlamat

- Penyeragaman reka bentuk dan aplikasi papan-papan tanda jalan raya untuk semua jalan JKR.
- Menerapkan teknologi serta reka bentuk semasa bagi mengoptimumkan papan-papan tanda jalan.
- Beberapa penambahbaikan terhadap dokumen ATJ 2E/87 (Pindaan 2011) yang lama.

## **KAJIAN YANG SEDANG DIJALANKAN**

## 1. Garis Panduan Sebut Harga Bagi Kerja

Merupakan penambahbaikan kepada Garis Panduan Sebut Harga sedia ada.

- Susulan daripada mesyuarat JPP pada 1/6/2016, CKUB telah diminta untuk mengemukakan draf sebut harga kepada semua Pengarah-Pengarah dan Jurutera Daerah bagi mendapatkan maklum balas. Selaras dengan itu, BDK sedang dalam proses meneliti maklum balas yang telah diterima.

## **2. Terjemahan Borang Syarat-Syarat Kontrak JKR (Semakan 2010)**

**CKUB sedang melaksanakan terjemahan Borang Syarat-Syarat Kontrak Semakan 2010 untuk JKR 203, JKR 203A, JKR 203N, JKR 203P dan JKR Reka dan Bina**

- **Pelantikan perkhidmatan terjemahan telah dibuat pada 16/5/2016. Terjemahan Syarat-Syarat kontrak telah disiapkan pada 31/5/2016. Pihak CKUB sedang menyemak terjemahan tersebut.**

### **3. Masalah Dalam Penyediaan dan Mengemukakan Lukisan Siap Bina (LSB) Dalam Kontrak**

Kontraktor tidak mengemukakan LSB semasa pembinaan dan semasa penyiapan projek.

- Pihak CKUB telah membentangkan dalam mesyuarat JPP pada 20 April 2016 dan 13 Jun 2016 mengenai kaedah/pendekatan bagi mengatasi masalah pembekalan/penyediaan LSB dalam kontrak.
- Cadangan CKUB akan dibentang dalam menyuarat Pengarah-Pengarah JKR Malaysia yang akan datang.

## 4. Pengurusan Fasiliti sebagai Kontrak Kerja

Cadangan Mengklasifikasi Pengurusan Fasiliti sebagai Kontrak Kerja Dalam Arahan Perbendaharaan.

- Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bersama JKR Cawangan, JKR Negeri dan LPIPm bagi mengkaji dan meneliti beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Kementerian Kewangan.

## 5. FAQ Pentadbiran Kontrak

Merupakan perkongsian ilmu. Mengandungi 8 topik untuk dimasukkan dalam laman web CKUB.

➤ 3 topik telah disiapkan dan telah dimasukkan dalam laman web CKUB iaitu:

- a) Bon Pelaksanaan dan Insurans.
- b) Bayaran dalam kontrak dan Penutupan Akaun.
- c) Kelambatan dan Lanjutan Masa.

Topik lain akan disiapkan pada tahun 2016.

## 6. Panduan Ringkas

Merupakan perkongsian ilmu dan salah satu inisiatif CKUB di bawah Enterprise Risk Management bagi membantu kakitangan JKR yang terlibat dalam pelaksanaan projek, mengurus dengan lebih baik dan berkesan.

- Cadangan Topik Panduan Ringkas :
  - a. Perubahan Kerja Bagi Reka dan Bina
    - Telah disiapkan dan boleh dimuat turun di laman web CKUB
  - b. Tuntutan – Loss & Expense
    - Dalam tindakan
  - c. Subkontraktor Yang Dinamakan.
    - Dalam tindakan

## 7. Garis Panduan Penilaian Tender

Merupakan semakan semula garis panduan penilaian tender bagi panduan penilaian tender kecil.

- Garis Panduan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MoF) pada 30 Jun 2016. MoF telah menamakan enam (6) Kementerian/Jabatan untuk mengguna pakai Garis Panduan tersebut ke atas projek yang dikenalpasti oleh Kementerian/Jabatan masing-masing sebagai projek perintis.

## **8. Jawatankuasa Kelulusan Barang Import/ Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak**

**Permohonan penurunan kuasa oleh KSU KKR kepada  
KPKR telah dibuat pada 30/6/2015.**

- Beberapa susulan telah dibuat. Sehingga kini belum ada apa-apa maklumbalas dari pejabat KSU.

## **9. Pindaan Kepada Surat Arahan KPKR Bil. 8/2013 – Garis Panduan Penyediaan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor**

**Memaklumkan perubahan kepada:**

- a) Kenyataan di dalam kandungan draf Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja**
  - b) Pengiraan dalam Perakuan Kos Penamatan Kontraktor.**
- 
- Telah dibentangkan di mesyuarat JPP pada 20/4/2016. Draf akhir telah di kemukakan pada CDPK pada 13/5/2016. Pihak CKUB sedang membuat pindaan atas ulasan pihak CDPK.

## **10. Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya – Edisi ke 4**

**Semakan semula ke atas Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga perlu dibuat dengan mengambil kira peruntukan 1PP dan Surat Arahan KPKR terkini.**

- **Bahagian Kontrak dan Keurusetiaan, CKUB sebagai urusetia akan mengagihkan bab-bab yang berkaitan kepada Cawangan/ Negeri serta Bahagian-Bahagian di CKUB untuk semakan semula Buku Panduan dalam masa terdekat.**

